

Cubaan pindah balak haram gagal

48 tual balak bernilai lebih RM387,000

Oleh NIK AMIRULMU' MIN NIK MIN

TEMERLOH

Pejabat Hutan Daerah (PHD) Temerloh dan Bera mematahkan cubaan memindahkan 48 tual balak bernilai tinggi disyaki ditebang secara haram di Hutan Simpan Jengka di sini pada Selasa.

Pegawai PHD Temerloh dan Bera, Azmi Abdul Rahman berkata, hasil serbuan itu pihaknya merampas tual balak dari spesies keruini, meranti dan balau bernilai lebih RM387,000.

Menurutnya, turut dirampas

sebuah jengkaut dan tiga motosikal dipercayai milik anggota sindiket yang kemudian dibawa ke pusat simpanan barangan kes Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) di Pejabat Ladang Hutan Kemasul.

"Hasil pemeriksaan di kawasan itu juga menemukan 65 tunggul pokok pelbagai spesies yang ditebang sindiket terbabit. Kita percaya kegiatan itu masih baharu dilakukan dan didalangi beberapa individu berpengalaman.

"Balak yang ditebang dikumpul di beberapa tempat dalam kawasan terbabit sebelum aktiviti memindahkan dilakukan menggunakan lori balak pada waktu subuh bagi mengelak dikesan pihak berkuasa," katanya.

Azmi berkata, siasatan mendapati kegiatan dipercayai dilakukan antara lima hingga tujuh individu tempatan itu baru

bermula dalam tempoh dua hari.

"Sindiket itu memilih spesies balak yang berkualiti tinggi sahaja, antaranya keruing, meranti dan balau," katanya yang percaya sindiket itu menggunakan pemberi maklumat atau tonto untuk mengesan kehadiran anggota penguat kuasa.

Tambahnya, Hutan Simpan Jengka menjadi sasaran pencuri balak berikutan terdapat banyak balak spesies kayu berkualiti tinggi selain lokasinya yang jauh daripada penempatan penduduk.

"Sindiket terbabit dianggap berpengalaman apabila turut menggunakan jentera berat bagi melancarkan aktiviti mereka.

"Setiap anggota sindiket mungkin memiliki lebih daripada satu kemahiran di mana selain menebang balak mereka juga boleh memandu jengkaut dan sebagainya," katanya.



Sebahagian balak dirampas yang disyaki ditebang secara haram di Hutan Simpan Jengka.